

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTER FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION

Rujukan : UKM.KPD.600-6/2/2
Tarikh : 12 Ogos 2026

Semua Pelajar
Diploma Pascasiswazah Dietetik
Fakulti Sains Kesihatan

Saudara/i,

PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2026/2027

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Semester 1 Sesi Akademik 2026/2027 akan diadakan pada **26 Oktober hingga 15 November 2026**.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester 1 Sesi Akademik 2026/2027 melalui SMPE (<https://smplucee.ukm.my/smpe>) mulai **31 Ogos hingga 6 September 2026**.

Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan butang SAH jika semua kursus adalah betul. Semua pelajar **perlu** membuat pengesahan kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan **akan dikenakan denda sebanyak RM50.00**.

Sekiranya pelajar gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka, segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap.

Draf jadual peperiksaan akhir untuk Semester 1 Sesi Akademik 2026/2027 akan dipaparkan di laman web UKMShape bermula **31 Ogos 2026** (jika terdapat peperiksaan akhir yang dijadualkan secara bersemuka). Sekiranya terdapat percanggahan dalam jadual peperiksaan, anda dikehendaki memaklumkan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan UKMShape melalui emel uppsshape@ukm.edu.my selewat-lewatnya **6 September 2026**.

Jadual peperiksaan akhir akan dipaparkan dalam Kad Kemasukan dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPE bermula **28 September 2026**.

Anda dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya bagi memastikan penilaian akhir kursus yang didaftarkan untuk semester ini berjalan lancar.



Kerjasama dan perhatian semua pelajar terhadap perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



NORLISA BINTI MOHAMED AMIN

Penolong Pendaftar

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan



PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8927 2148 E-mel: uppshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape/

IMAN ILMU AMAL

www.ukm.my